

Fungsi Tari Balanse Madam dalam Kehidupan Sosial Masyarakat Nias Bandar Raya Padang

(The Functions of the Balanse Madam Dance in the Social Life of Nias Society in Padang City)

Indrayuda

Universitas Negeri Padang, Indonesia

Abstract

The Balanse Madam dance is a type of traditional dance of the Nias people who have been living in Padang city since a long time ago. The Balanse Madam dance is often performed during social occasions of the Nias people such as weddings, births of newborn babies, and thanksgiving ceremonies. As a traditional heritage of Nias society, Balanse Madam dance functions as a medium for social interaction, integration and entertainment. Consequently, the Balanse Madam dance is connected to various ceremonial customs which are conducted by the Nias people in Padang City.

Keywords: *Tari Balanse Madam, Nias community, functions of dance.*

Abstrak

Tari Balanse Madam merupakan sebuah tarian tradisional masyarakat Nias perantauan yang telah lama duduk atau bermukim di Bandar Raya Padang. Dalam kehidupan sosial masyarakat Nias, seperti upacara perkahwinan, kelahiran dan upacara keselamatan, mereka sentiasa mempersembahkan Tari Balanse Madam. Sebagai tarian tradisional warisan budaya masyarakat Nias di Bandar Raya Padang, Tari Balanse Madam berfungsi sebagai media interaksi sosial, media integrasi dan sebagai media hiburan. Oleh karenanya, tarian Balanse Madam sentiasa terkait ke atas pelbagai upacara-upacara adat yang dilaksanakan oleh masyarakat Nias Bandar Raya Padang.

Kata kunci: *Tari Balanse Madam, masyarakat Nias, fungsi tari.*

Pendahuluan

Pada hakikatnya kesenian merupakan sebuah unsur daripada kebudayaan yang dipunyai secara kolektif oleh mana-mana masyarakat di dunia, seperti kesenian tradisional yang dimiliki oleh pelbagai suku bangsa. Oleh kerananya, kesenian tersebut melekat erat bersama dengan nilai-nilai dan norma serta adat-istiadat yang berlaku di dalam kehidupan sosial masyarakat tersebut. Oleh yang demikian, ianya memiliki corak yang khas berlandaskan tradisi lokal masyarakat yang menaunginya (Mustika 1981: 8).

Kesenian juga merupakan sebuah bahasa, tanda ataupun simbol daripada suatu masyarakat tertentu. Dengan menciptakan sebuah karya seni dan kemudian kesenian tersebut dipersembahkan ke atas penonton, secara tidak langsung masyarakat yang memiliki kesenian tersebut sedang berusaha untuk berkomunikasi dan menyampaikan pesan-pesan tentang yang terkait daripada dirinya ke atas dunia di luar dirinya. Ertinya masyarakat tersebut menyatakan identiti dirinya

melalui proses persembahan karya seni tersebut. Sebab itu pula, kesenian dikatakan sebagai wujud karya ciptaan manusia yang berfungsi sebagai jembatan (media) komunikasi antara individu dengan individu, masyarakat dengan individu dan masyarakat dengan masyarakat. Oleh kerana itu pula, kesenian seperti Tari Balanse Madam merupakan simbolisasi atau media ungkap tentang kehidupan sosial masyarakat Nias Bandar Raya Padang.

Menurut Arbi (1999: 21) tari merupakan projeksi atau gambaran daripada kehidupan suatu masyarakat. Melalui simbol-simbol gerak tertentu, keanekaragaman warna kostum dan irungan muzik, mahupun persembahan daripada keseluruhan wujud tarian tersebut, boleh diinterpretasikan bahawa tarian dapat menyampaikan informasi dan maksud tertentu daripada komunitinya. Tari Balanse Madam, seperti halnya tari tradisi lainnya, merupakan ungkapan dari pelbagai kehidupan yang ada dalam masyarakat Nias Bandar Raya Padang, seperti ungkapan solidariti, eksistensi, serta persekutuan dan kesatuan.

Tari Balanse Madam merupakan tarian yang bersifat hiburan. Wujud geraknya mempunyai karakter keceriaan. Tari Balanse Madam seperti kebanyakan tarian Melayu, ianya lebih fokus ke atas wujud gerak joget, dan dengan gerakan langkah yang kecil-kecil dengan durasi yang agak cepat serta melenggang. Tari Balanse Madam tersebut juga sebagai tarian sosial, kerana tarian ini sentiasa sahaja di persembahkan dalam pelbagai acara pesta perkahwinan, acara penobatan penghulu dan acara-acara yang berwujud ritual keselamatan dan ritual kelahiran.

Dengan adanya persembahan daripada Tari Balanse Madam dalam acara pesta perkahwinan, maka pada akhirnya dapat mewujudkan terjadinya relasi (ikatan) sosial di antara pelbagai anggota masyarakat yang menonton persembahan Tari Balanse Madam tersebut. Realiti dari pada persembahan Tari Balanse Madam ini, menyebabkan adanya perhubungan silaturahim dalam kalangan ahli-ahli keluarga dan anggota masyarakat yang duduk di persekitaran tempat dipersembahkannya Tari Balanse Madam tersebut.

Objektifnya, Tari Balanse Madam merupakan sebagai tarian sosial. Kerana secara realiti tarian ini sentiasa digunakan oleh masyarakat Nias Bandar Raya Padang untuk pelbagai upacara yang bersifatkan sosial. Boleh dikatakan hampir seluruh kegiatan atau upacara adat yang dijalankan oleh masyarakat Nias dengan mengikut sertakan Tari Balanse Madam. Ertinya, pelbagai upacara-upacara adat yang dilaksanakan oleh masyarakat Nias di Padang, sentiasa mempersembahkan Tari Balanse Madam. Persembahan tersebut digunakan sebagai pembuka upacara, ataupun pada bahagian tengah dan ada pula dipersembahkan pada bahagian akhir sebagai penutup upacara adat tersebut.

Tari Balanse Madam merupakan tarian yang unik dan memiliki keistimewaan yang tidak sama dengan tarian-tarian lainnya di Padang. Keistimewaan Tari Balanse Madam iaitu ianya boleh ditarikan atau dimainkan hanya bagi orang-orang yang telah berumah tangga sahaja. Namun tari tersebut tidak boleh pula ditarikan oleh sepasang suami isteri, ianya mesti bertukar pasangan. Akan tetapi, Tari Balanse Madam boleh dipertontonkan bagi siapa-siapa sahaja. Ertinya untuk menonton persembahan tersebut tidak ada pula larangan dari segi umur dan darjah sosial.

Oleh yang demikian, sepertinya Tari Balanse Madam digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi bagi orang-orang yang sudah berumah tangga. Kerana manakala ianya sedang menari, terlihat diantara mereka ada yang bercakap-cakap dan bersenda gurau. Boleh diertikan ketika menari mereka juga sedang saling bertukar informasi mengenai dirinya. Hal ini yang menarik daripada persembahan Tari Balanse Madam. Sehingga kini Tari Balanse Madam masih tetap wujud dan digunakan dalam pelbagai aktiviti sosial masyarakat Nias Banda Raya Padang, sehingga kini menjadi ikon Bandar Raya Padang dalam konteks pelancongan.

Merujuk huraihan di atas, tulisan artikel ini akan mengungkap dan memaparkan persoalan Tari Balanse Madam dari perspektif tarian sebagai media sosial. Adapun persoalan-persoalan yang terkait dengan kehidupan sosial tersebut iaitu, seperti keberadaan Tari Balanse Madam dalam fungsinya sebagai media interaksi sosial, integrasi sosial dan sebagai hiburan sosial.

Sejarah Tari Balanse Madam

Sejarah Tari Balanse Madam tidak boleh dilupakan dari mula datangnya suku bangsa Portugis di pantai barat pulau Sumatera abad ke-16. Kedatangan bangsa Portugis di Bandar Raya Padang telah pula membawa persoalan ke atas bertubuhnya kesenian di Padang ketika masa itu, diantaranya seperti Tari Balanse Madam dan muzik Gamad. Sebelum kedatangan suku bangsa Portugis ke Bandar Raya Padang pada tahun 1669, Padang (bandar raya Padang) masa itu hanya berupa perkampungan tradisional yang terletak di pinggir pantai barat Sumatera bahagian barat, yang mana ianya kalah ramai dari pada bandar-bandar lainnya seperti Tiku dan Pariaman. Namun kampung itu mulai ramai semenjak orang Portugis dan Aceh mulai datang dan singgah untuk berniaga di kota Padang.

BK Hura dalam Erwanto (1998: 22) menghujahkan bahawa dengan kedatangan bangsa Portugis di Bandar Raya Padang sebagai saudagar pada abad ke-16, bersama itu pula datang suku Nias bermigrasi dari kepulauan Nias ke Padang untuk bekerja sebagai buruh, walaupun hanya sebagai pembantu di pelbagai rumah orang Portugis. Mula kedatangan orang Nias dibawa oleh orang-orang China yang datang ke Sumatera Barat dari Pulau Nias awal abad ke-16. Pada akhirnya mereka ditempatkan oleh orang-orang China di pelbagai kawasan seperti di Padang (terutama di kawasan Muara), Pariaman serta di Muara Sakai Pesisir Selatan. Namun secara kuantiti mereka lebih banyak duduk dan bekerja di Padang.

Mula terciptanya Tari Balanse Madam, dikeranakan seringnya terjadi kontak sosial dan interaksi sosial di antara orang-orang Portugis dengan orang Nias di Padang. Perhubungan sosial (relasi sosial) ini terjadi dikeranakan orang Portugis merupakan majikan bagi orang-orang Nias. Orang-orang Nias selain bekerja sebagai buruh daripada orang China mereka juga bekerja dengan orang Portugis sebagai pembantu rumah tangga dan pekerja kasar (buruh).

Sejarah terciptanya Tari Balanse Madam bermula daripada kebiasaan orang Portugis mempersesembahkan tarian Dansa yang bersifat seperti tarian pergaulan, baik itu di persembahkan di atas kapal mahupun di mana-mana rumah orang Portugis, atau di bangsal tempat persekutuan orang Portugis masa itu. Kerana seringnya orang Portugis melaksanakan pesta dengan mengikut sertakan persembahan tarian Dansa, hal ini merebak ke atas apresiasi seni bagi orang Nias. Oleh yang demikian, kegiatan apresiasi tersebut melahirkan inspirasi atau rangsangan imajinasi bagi orang Nias, untuk menciptakan tarian baru dalam komunitinya sendiri.

Berdasarkan daripada transformasi imajinasi pada akhirnya seniman Nias mengembangkan pola-pola (bentuk) tarian Dansa dengan mengadopsi pelbagai gerak tarian Melayu Minangkabau serta mengkolaborasikannya dengan tari tradisi tanah Nias sendiri, seperti Hiwo dan Molaya. Oleh kerananya kedua bentuk tarian tersebut apabila dikolaborasikan akan menghasilkan sesbuah harmoni yang elok. Dengan terciptanya Tari Balanse Madam pada abad ke-16 oleh seniman Nias, semenjak itu pula suku bangsa Nias warga Padang memiliki identiti kultural yang baru, dimana identiti ini pada akhirnya menjadi sebagai pemersatu bagi warga Nias keturunan di Padang.

Sebagai tari baru bagi masyarakat suku Nias yang merantau di Bandar Raya Padang, kehadiran Tari Balanse Madam dipandang sangat penting bagi kehidupan sosial mereka. Tari Balanse Madam kelak akan merupakan sebuah identiti mereka, seperti halnya suku China yang memelihara barongsai dan kecapinya di kawasan Kampung China Padang. Berlandaskan ke atas pandangan demikian dan disebabkan juga jauhnya jarak antara Padang dan Nias, yang lambat laun akan terputusnya hubungan budaya dan sosial, yang pada akhirnya hilang pula identiti mereka. Oleh sebab itu, atas kesepakatan para penghulu dan masyarakat Nias masa itu di Padang, maka Tari Balanse Madam dinobatkan sebagai tarian tradisional dan tarian adat suku Nias warga Padang. Akhirnya, tarian tersebut menjadi warisan budaya dan identiti kultural bagi masyarakat keturunan suku Nias warga Bandar Raya Padang. Tambahan pula Sultan Padang sebagai penguasa Bandar Padang masa itu, mengakui akan keberadaan Tari Balanse Madam sebagai tarian adat masyarakat suku Nias warga Padang.

Setelah Tari Balanse Madam dinobatkan secara adat, tarian ini pun disosialisasikan sebagai tarian tradisional masyarakat Nias keturunan (perantauan) yang telah menjadi warga Bandar Padang. Dengan statusnya sebagai tarian adat, maka berlandaskan kesepakatan pemegang adat dengan masyarakat suku Nias amnya, Tari Balanse Madam diatur secara adat yang berlandaskan adat-istiadat orang Nias perantauan warga Bandar Padang.

Berlandaskan kesefahaman antara kepala suku dan kaum adat mahupun masyarakat tersebut, pada akhirnya disusun dan disempurnakan wujud Tari Balanse Madam seperti gaya tarinya yang bercorak Melayu dan Minangkabau, dalam bentuk gerak joget dan melenggang yang mengutamakan kelincahan gerak kaki dan tangan. Tarian ini juga disusun dalam koreografi duet yang ditarikan oleh empat pasang penari, iaitu empat orang penari lelaki dan empat orang penari perempuan. Sedangkan alatan pentas yang digunakan dalam tarian ini ialah sapu tangan. Keempat-empat penari bergerak (menari) berdasarkan perintah daripada seorang juru perintah yang berada di tempat duduk pemuzik di luar arena persembahan, yang disebut sebagai *komander*. Setiap wujud gerakan yang dilaksanakan oleh penari mesti mengikut setiap perintah *komander* seperti gerakan joget di tempat, melenggang maju jalan ke hadapan, perempuan berjoget berpusing, lelaki dan perempuan berpegangan tangan di lingkaran serta penari lelaki bergerak menjemput penari wanita yang sedang bergerak di tengah arena.

Bagi mendokong persembahan tari agar lebih baik dan mampu memberikan nilai hiburan yang punya daya pukau (magis), Tari Balanse Madam diiringi oleh muzik pengiring tari dari Orkes Gamad, dengan pola irama dinamik mars, muzik ini menggunakan alat-alat muzik seperti biola (viol), gitar, set drum, gendang Melayu, tamburin dan simbal.

Selain daripada itu, dibuat pula peraturan-peraturan mengenai adat persembahan daripada Tari Balanse Madam yang mesti diikuti oleh penarinya ialah (1) masing-masing mesti terdiri daripada orang-orang yang telah menikah (kahwin), (2) tidak boleh ada hubungan famili (keluarga) terdekat

antara penari lelaki dan perempuan (kakak, adik, ipar, menantu dan mertua, mahupun pak cik dan mak cik), (3) setiap gerakan yang akan bersentuhan langsung dengan telapak tangan, oleh sebab itu telapak tangan mesti dialas dengan sapu tangan, agar tidak terlaksana kontak langsung antara tangan, dan (4) sebelum persembahan tarian dilaksanakan masing-masing penari mesti mohon izin ke atas suami, isteri dan pemegang adat serta keluarga mereka.

Tari Balanse Madam secara tradisional dan berkesinambungan digunakan oleh masyarakat suku Nias untuk aktiviti sosialnya dan juga sebagai hiburan masyarakat, bahkan masa kini juga berkembang menjadi hiburan bagi warga Banda Raya Padang di luar daripada suku Nias, seperti suku Minangkabau, suku Keling dan Melayu lainnya. Oleh sebab itu, pada waktu sekarang, Tari Balanse Madam masih tetap digunakan dan diwariskan oleh masyarakat suku Nias dalam komunitinya. Selain menjadi ikon suku Nias Tari Balanse Madam juga menjadi ikon pelancongan bagi masyarakat Banda Raya Padang.

Melalui program pemerintah Bandar Raya Padang, masa kini Tari Balanse Madam sering diikutsertakan dalam misi-misi pertukaran kebudayaan ke luar negeri. Hal ini dilaksanakan oleh Jabatan Pelancongan dan Kebudayaan Bandar Raya Padang, sebagai program promosi kebudayaan Bandar Raya Padang. Program ini dijalankan selain sebagai mempromosikan kebudayaan Bandar Raya Padang ke peringkat antarabangsa, juga bertujuan melestarikan dan mengekalkan Tari Balanse Madam dalam kehidupan sosial masyarakat Bandar Raya Padang.

Tari Balanse Madam masa kini juga telah menjadi objek kajian bagi orang-orang akademik. Telah ramai orang-orang akademik di Padang mengembangkan Tari Balanse Madam baik mengembangkan secara kuantiti mahupun secara kualiti. Sehingga kini Tari Balanse Madam telah menjadi objek bagi koreografer untuk menghasilkan tarian ciptaan mereka. Bagi kumpulan-kumpulan tari yang ada di Bandar Raya Padang, Tari Balanse Madam merupakan sesebuah tarian yang dipersembahkan ke atas khalayak ramai, mahupun pelancong-pelancong yang datang berkunjung ke Bandar Raya Padang.

Fungsi Tari Balanse Madam sebagai Media Interaksi Sosial

Berdasarkan konteks persembahan, Tari Balanse Madam digunakan dalam kehidupan sosial masyarakat Nias di Padang, oleh yang demikian dijumpai pengaruh yang boleh menyokong terjadinya interaksi sosial di antara warga masyarakat Nias yang berada di arena tempat persembahan tari tersebut. Ertinya, bahawa dengan dilaksanakannya sebuah persembahan daripada Tari Balanse Madam, hal ini boleh berdampak (berakibat) ke atas wujudnya sebuah interaksi sosial. Interaksi sosial ini terlaksana dikeranakan adanya persembahan daripada Tari Balanse Madam tersebut.

Realitinya, Tari Balanse Madam ini dipersembahkan di dalam acara perkahwinan. Acara perkahwinan biasanya dihadiri oleh pelbagai sanak famili atau kerabat, rakan-rakan dan tetangga satu kampung, bahkan juga dihadiri oleh orang-orang dari luar kampung daripada pengantin tersebut. Dengan dipersembahkannya Tari Balanse Madam di dalam acara perkahwinan tersebut, pada akhirnya akan menyebabkan terjadinya interaksi sosial diantara tetamu (tamu/orang-orang yang dijemput). Hal ini seperti biasanya penghulu suku (klen) daripada pengantin mempersilahkan empat pasang suami isteri daripada tamu untuk menjadi penari bersama isteri dari rakan tamu lainnya, dan begitu juga sebaliknya seorang isteri akan berpasangan (berduet) dengan suami rakan tamu yang lain. Fenomena-fenomena ini akan menyebabkan terwujudnya relasi sosial atau perhubungan sosial melalui interaksi sosial yang terjalin akibat komunikasi yang dilaksanakan oleh penari-penari tersebut.

Oleh yang demikian, persembahan Tari Balanse Madam di dalam acara pesta perkahwinan tersebut mengakibatkan terwujudnya sebuah relasi sosial baru atau perhubungan sosial baru. Ertinya, sebelum Tari Balanse Madam dipersembahkan di antara penari tidak saling kenal mengenal, namun setelah mereka disuruh menari oleh penghulu yang dituakan dalam acara tersebut, pada akhirnya mereka boleh menjalin komunikasi melalui interaksi sosial yang tercipta

akibat mereka menari secara berpasang-pasangan (berduet). Sebab itu pula, sering komunikasi yang mereka jalin ketika sedang menari seperti membicarakan masalah keluarga dan pekerjaan ataupun perniagaan. Secara tidak langsung komunikasi yang mereka laksanakan selalu sahaja menguntungkan bagi mereka. Kerana sering mereka mewujudkan komunikasi dalam wujud relasi seperti relasi perniagaan, dan perjodohan daripada anak-anak mereka, bahkan mengenai masalah pekerjaan setelah persembahan tari berlangsung. Ertinya lagi, perhubungan relasi akibat interaksi sosial yang tercipta dalam menari berlanjut di luar arena persembahan.

Selain dari pada itu, seperti biasanya penghulu terlebih dahulu memperkenalkan masing-masing penari ke atas khalayak ramai (ke atas tamu-tamu lainnya) yang hadir di dalam acara pesta perkahwinan tersebut. Dampak dari pada kegiatan tersebut menyebabkan para tamu yang hadir akan mengenal identiti dan status sosial seseorang penari tersebut. Sebagai contoh seorang penari ternyata ianya ialah seorang saudagar kaya, dan dermawan. Hal ini akan membuka peluang interaksi sosial yang baru bagi penari tersebut, secara tidak langsung masyarakat yang satu klen dengannya akan meminta bantuannya mengenai pelbagai fasiliti baik bagi kepentingannya peribadi mahupun untuk kepentingan klennya atau bagi organisasi sosial. Kebiasaan seperti ini sudah menjadi adat bagi Tari Balanse Madam untuk memperkenalkan identiti dan status sosial penari sebelum tarian dipersembahkan.

Interaksi sosial juga boleh berlaku di antara para penonton atau orang-orang yang hadir menyaksikan persembahan Tari Balanse Madam tersebut. Biasanya peristiwa seperti ini, dimanfaatkan oleh orang-orang muda untuk saling berinteraksi. Objektifnya, interaksi tersebut ialah guna saling kenal mengenal, bahkan kesempatan tersebut digunakan pula bagi orang-orang muda untuk memadu cinta. Ertinya, dengan dipersembahkannya Tari Balanse Madam, peristiwa ini merebak ke atas interaksi sosial yang terkait dengan proses percintaan di antara orang-orang muda Nias warga Padang. Seperti biasanya, perjumpaan yang berawal ketika menonton persembahan Tari Balanse Madam, pada tahap selanjutnya perhubungan asmara mereka berlanjut

di luar peristiwa tersebut. Sering juga peristiwa persembahan Tari Balanse Madam digunakan bagi orang-orang muda Nias untuk mencari jodoh, ketika itulah mereka saling menyelami perasaan cinta masing-masing, dan hal ini tidak dilarang oleh adat warga Nias Padang. Dengan syarat tidak boleh melakukan percumbuan, dan hubungan mereka mesti direstui oleh penghulu ketika itu.

Wujud interaksi sosial yang lain terjadi di antara para penonton atau tamu yang dijemput oleh tuan rumah, biasanya tuan rumah menjemput anggota masyarakat yang telah menikah. Bagi tamu yang dijemput dan kebetulan mereka tidak menari, peristiwa ini dimanfaatkan mereka pula untuk berinteraksi dengan tujuan silaturahim sambil mereka menikmati persembahan Tari Balanse Madam. Selain daripada itu, mereka juga memperluas usaha perniagaannya, dan mencari pekerjaan, tak lupa pula mereka terkadang saling menjodohkan anak mereka. Biasanya interaksi ini berjalan sehingga larut malam (pagi dini hari), kerana tari Balanse Madam tersebut berawal setelah solat Isya dan berakhir menjelang solat Subuh. Seiring dengan berakhirnya persembahan Tari Balanse Madam, maka berakhir pula interaksi sosial di dalam peristiwa persembahan Tari Balanse Madam atau di arena tersebut.

Fungsi Tari Balanse Madam Sebagai Media Integrasi Sosial

Melalui peristiwa persembahan Tari Balanse Madam, anggota masyarakat yang berada di sekitar arena persembahan yang dijalankan di tempat pesta perkahwinan tersebut, dianggap mereka itu terkait dengan kegiatan integrasi sosial. Ertinya, dengan dipersembahkannya Tari Balanse Madam di dalam acara pesta perkahwinan, ianya akan menyebabkan terwujudnya perhubungan yang akan menyebabkan terjadinya perkongsian dan persatuan. Oleh sebab itu, kerana adanya peristiwa persembahan Tari Balanse Madam dalam acara perkahwinan mengakibatkan emosional masing-masing pribadi yang ada di dalam pesta tersebut merebak ke dalam perhubungan yang lebih dekat lagi ke tahap integrasi sosial, yang mampu mempersekuatkan mereka dalam ikatan persahabatan, perkongsian dalam pelbagai kegiatan sosial dan ekonomi.

Ketika peristiwa persembahan Tari Balanse Madam berlangsung integrasi boleh berlaku di antara penonton dan pelaku Tari Balanse Madam itu sendiri. Integrasi yang terwujud akibat adanya interaksi di antara orang-orang yang menghadiri persembahan Tari Balanse Madam dapat berupa (berbentuk) percintaan atau lebih dikenal dengan ikatan tali asmara bagi mana-mana orang muda yang hadir di dalam peristiwa tersebut. Sedangkan wujud integrasi sosial yang lain ialah dalam bentuk menubuhkan kumpulan-kumpulan pemuda, bagi mana-mana suku atau klen. Maksudnya akibat integrasi sosial yang terjadi di antara orang-orang muda yang satu klen, pada akhirnya mereka sering menubuhkan organisasi-organisasi kecil di dalam klennya. Sebagai contoh klen Zebua dan Harefa, mereka berintegrasi beberapa orang menubuhkan organisasi remaja muzik Gamad dan remaja Zebua pecinta Balanse. Fenomena ini juga boleh mengintegrasikan dua kumpulan pemuda berlainan klen berintegrasi menubuhkan sesebuah organisasi pemuda, seperti organisasi pemuda Mendrofa berintegrasi dengan organisasi pemuda Hulu. Biasanya kesempatan bertemu dan berbual ini dijalankan ketika adanya persembahan Tari Balanse Madam di kampung Nias Padang, atau di daerah kampung Seberang Palinggam.

Integrasi sosial yang lain ianya dilaksanakan oleh kalangan orang-orang tua yang telah berkeluarga. Integrasi sosial yang mereka wujudkan biasanya mengenai hal-hal yang berkaitan dengan klen, perniagaan, organisasi persekutuan klen, kekerabatan baru dan politik. Ertinya, peristiwa persembahan Tari Balanse Madam tersebut merupakan media bagi mereka untuk berintegrasi. Kerana persembahan Tari Balanse Madam ialah merupakan sesebuah peristiwa besar bagi orang-orang Nias untuk saling berkumpul. Kerana selain acara penobatan penghulu secara adat, dan acara *ciloc aek* (memperingati kelahiran/ritual kelahiran anak), mereka hanya memiliki acara persembahan Tari Balanse Madam dan muzik Gamad yang lebih besar. Biasanya Tari Balanse Madam sering dipersembahkan bersama muzik Gamad. Oleh yang demikian, secara tidak langsung mereka memiliki kesempatan masa untuk berintegrasi ialah ketika persembahan Tari Balanse Madam tersebut dilaksanakan.

Persembahan Tari Balanse Madam, dipercayai oleh masyarakat Nias memiliki magis tersendiri dalam mewujudkan pelbagai integrasi sosial dalam kehidupan masyarakatnya. Kerana persembahan Tari Balanse Madam juga terkait ke atas stratifikasi sosial orang yang melaksanakan acara tersebut. Hal ini disebabkan kerana wang yang dikeluarkan bagi pembayaran kumpulan muzik Gamad dan menjemput komander serta penghulu dan tetua (ketua) kampung cukup besar, sebab itu, acara pesta persembahan Tari Balanse Madam dianggap merupakan sebuah pesta yang semarak dan dihadiri oleh orang ramai. Realiti ini yang menyebabkan terwujudnya integrasi sosial diantara anggota masyarakat yang terkait dengan persembahan Tari Balanse Madam.

Bagi kalangan anggota masyarakat yang telah berumah tangga, mereka memanfaatkan integrasi tersebut bagi memperluas usaha perniagaan mereka. Manakala ada yang berinteraksi sesama saudagar, sering perhubungan atau perjumpaan mereka di arena persembahan Tari Balanse Madam diguna untuk menubuhkan persekutuan perniagaan mereka. Ertinya mereka melakukan beberapa perkongsian bagi menjayakan usaha perniagaan mereka. Sedangkan bagi yang terkait dari pada politik, kesempatan ini diguna untuk menarik minat masyarakat ke atas parti mereka. Namun sering juga orang-orang organisasi politik tersebut mencari anggota baru bagi organisasi mereka, dengan tujuan menjayakan dan memperkuuh organisasi mereka.

Integrasi yang lain ialah, bila mana seseorang orang tua mencari jodoh bagi anak mereka. Oleh yang demikian amnya, akan terwujud integrasi sosial dalam aspek kekerabatan baru. Bila mana pertemuan dan perbincangan mengenai perjodohan berlanjut setelah pesta persembahan Tari Balanse Madam, maka sering persoalan ini berwujud dalam bentuk pertunangan dan akhirnya menciptakan keluarga atau kerabat baru. Hal ini terjadi kerana ketika masa persembahan Tari Balanse Madam dipertontonkan, masa itu pula segala golongan sosial hadir di arena tersebut, apakah anak muda, orang tua, kakak-nenek dan pemegang adat, boleh berkumpul dan tidak terbatas golongannya. Begitu pula mengenai status sosial dan stratifikasi tidak ada disyaratkan bagi orang-orang yang akan menyaksikan persembahan Tari Balanse Madam tersebut. Kerana

itu, persembahan Tari Balanse Madam mewujudkan sebuah integrasi sosial bagi masyarakat Padang dan Masyarakat Nias warga Bandar Raya Padang amnya. Oleh yang demikian terbuka kesempatan orang tua untuk mencari jodoh bagi anak mereka.

Persembahan Tari Balanse Madam juga menyebabkan terwujudnya integrasi kesukuan dalam persekutuan dan perkongsian baru. Ertinya, sering pula orang Nias warga Padang berintegrasi dengan orang-orang di luar suku mereka seperti suku Minangkabau yang majoriti dan juga dengan suku Keling (Arab keturunan), bahkan juga dengan orang-orang China Padang. Mereka menubuhkan persekutuan kepemudaan, perkumpulan kesenian dan bahkan perkahwinan campuran dan juga perkongsian dalam usaha perniagaan. Oleh kerana itu, persembahan Tari Balanse Madam disebut sebagai media integrasi sosial bagi masyarakat Nias warga Padang amnya, serta bagi warga masyarakat Padang lainnya.

Fungsi Tari Balanse Madam Sebagai Hiburan Rakyat Awam

Seperti telah dijelaskan sebelumnya bahawa Tari Balanse Madam merupakan tarian tradisional yang bersifatkan kerakyatan, yang dimiliki oleh suku bangsa Nias yang bermigrasi (merantau) ke Bandar Raya Padang pada abad ke-16 dahulu. Semenjak itu sehingga kini suku Nias merupakan warga Bandar Raya Padang dan Tari Balanse Madam sebagai identiti Bandar Raya Padang. Kerana Tari Balanse Madam merupakan tarian rakyat, oleh sebab itu ianya diperuntukkan bagi rakyat Nias dalam pelbagai hal. Hal yang demikian disebabkan tarian ini tidak bersifatkan tarian istana, kerana suku Nias bukanlah orang-orang yang secara pemerintahan menguasai Bandar Raya Padang. Tarian ini merupakan tarian ciptaan khas orang-orang Nias yang telah merantau ke Bandar Raya Padang pada abad ke-16 dahulu. Oleh yang demikian, tarian ini tidak dijumpai di pulau Nias. Ertinya, orang-orang asli Nias yang hidup di pulau Nias tidak mengenal tarian ini, baik kalangan bangsawan maupun rakyat awam. Sebab itu, Tari Balanse Madam diciptakan berdasarkan konvensi masyarakat Nias Padang, yang diperuntukkan bagi mereka sendiri sebagai

identiti kultural mereka yang merupakan orang Nias Padang. Realiti inilah yang membezakan orang Nias Padang dengan orang Nias di kepulauan Nias di Sumatera Utara.

Oleh kerana Tari Balanse Madam merupakan tarian rakyat, sebab itu ianya boleh dipersembahkan bagi menghibur rakyat. Kerana itu pula, tarian ini tidak membezakan atau menentukan kategori penikmat atau penonton mahupun pemainnya daripada status, stratifikasi dan golongan sosial. Siapa sahaja boleh menikmati persembahan Tari Balanse Madam ini. Tarian ini diciptakan pada pertengahan abad ke-16 dengan tujuan guna memberikan suguhan hiburan bagi orang-orang Nias yang merantau ke Padang. Pasalnya, lebih kurang selama enam hari mereka disebarkan oleh pekerjaan sebagai buruh, guna melepas penat dan rehat sambil bersilaturahim maka dipersembahkanlah Tari Balanse Madam tersebut. Setiap hari Ahad (Minggu) seperti biasanya mereka berkumpul di daerah kampung Nias sambil bersilaturahim dan menyaksikan hiburan muzik Gamad. Masa itulah mulanya Tari Balanse Madam digunakan sebagai media hiburan rakyat Nias yang merantau ke Padang, sehingga kini tetap sahaja berlaku di dalam masyarakat Nias Padang.

Tari Balanse Madam disebut sebagai tarian yang bercirikan hiburan, ialah dikeranakan dari bentuk penyajian (persembahannya), tipe tarinya mahupun wujud garapan serta wujud gerak dan muziknya. Semua hal-hal tersebut memancarkan nilai, hiburan daripada Tari Balanse Madam. Sebab itu pula, sehingga kini tarian ini digunakan oleh pemerintahan Bandar Raya Padang sebagai salah satu tarian hiburan bagi pelancong yang datang berkunjung ke Bandar Padang. Selain itu, tarian ini juga digunakan oleh pemerintahan Bandar Padang sebagai hiburan bagi masyarakat Bandar Raya Padang ketika memperingati hari ulang tahun Bandar Raya Padang setiap tujuh belas hari bulan Agustus di Balai Pejabat Wali Kota Padang.

Bentuk penyajian Tari Balanse Madam ialah tarian tanpa cerita, yang bersifatkan dinamis, yang lebih memancarkan estetik gerak. Sedangkan tipe tarinya ialah (wujud tarinya) estetik murni,

ertinya Tari Balanse Madam benar-benar diciptakan guna memancarkan nilai-nilai keindahan melalui proses garapan geraknya. Gerakannya tidak terlalu sulit dan berbelit-belit. Sedangkan muziknya terdiri dari pada ritma-ritma dan melodi yang dinamis sehingga menciptakan nuansa atau suasana joget. Oleh kerana yang demikian tari ini digunakan dan berfungsi sebagai media hiburan bagi masyarakat Nias Padang amnya, serta masyarakat Padang lainnya.

Kesimpulan

Tari Balanse Madam diciptakan mulanya pada abad ke-16 di Bandar Raya Padang oleh masyarakat Nias yang merantau ke Padang. Tarian ini dicipta sebagai identiti kultural mereka, agar tarian tersebut menjadi sebuah warisan budaya mereka, yang akan diwariskan secara berkesinambungan ke atas anak cucu mereka pada tahap selanjutnya. Oleh yang demikian, Tari Balanse Madam dinobatkan sebagai tarian adat bagi masyarakat Nias, melalui konvensi atau musyawarah dan muafakat para panghulu orang Nias di Padang.

Tari Balanse Madam bersifatkan tarian sosial yang difungsikan guna kepentingan sosial bagi masyarakat Nias di Padang. Oleh kerana itu, ada tiga fungsi sosial yang boleh berlaku di dalam persembahan tari Balanse Madam. Ketiga fungsi tersebut ialah (1) sebagai media interaksi sosial bagi masyarakat Nias Padang, (2) sebagai media integrasi sosial, dan (3) sebagai media hiburan rakyat.

Kerana persembahan Tari Balanse Madam boleh menarik pelbagai masyarakat untuk berkumpul di suatu arena atau pesta perkahwinan, oleh yang demikian maka terciptalah pelbagai suasana yang tercipta seperti romantika, keakraban, ceria dan tawa canda. Realiti ini menyebabkan terwujudnya interaksi sosial diantara mereka, yang pada akhirnya berlanjut ke tahap integrasi sosial, baik di dalam pesta mahupun di luar acara tersebut. Akhirnya, tarian ini mewujudkan pelbagai bentuk relasi atau perkongsian dan persekutuan, baik dalam aspek perniagaan, organisasi kepemudaan mahupun politik.

Rujukan

- Arbi, Alfar. 1999. *Masyarakat Nias dan Perdagangan Tempo Dulu di Kota Padang*. Padang: PPs UNP.
- Erwanto. 1998. *Analisis Bentuk Penyajian Tari Balanse Madam*. Padang: Sendratasik FPBS IKIP Padang.
- Garna, Judistira K. 1996. *Ilmu-ilmu Sosial, Dasar Konsep – Posisi*. Bandung: PPs UNPAD
- Gulo, Anatona. 1995. *Adaptasi Masyarakat Nias di Kota Padang*. Padang: Lemlit Unand.
- Harefa, Orbavianus. 1995. *Kehidupan Pemuda Nias di Padang*, Padang: Taraju.
- Koentjaraningrat. 1987. *Sejarah Teori Antropologi I*. Jakarta: UI Press
- Langer, K. Suzanne. 1957. *Problems of Art*. New York: Charles Scribner's Sons.
- Martin, John. 1963. *The Modern Dance*. New York: Horizon.
- Mustika Syarif. 1981. *Tari Tradisional Minangkabau*. Padang: Bidang Kesenian, Kanwil Dikbud Sumbar.
- Royce, Anya Peterson. 1981. *Dance Anthropology*. Indiana.: Indiana University Press.
- Sedyawati, Edi. 1984. *Pertumbuhan Seni Pertunjukan*. Jakarta: Sinar Harapan.
- Soenarto. 1989. *Wawasan Seni*. Yogyakarta: FPBS IKIP Yogyakarta.
- Spradley, James. 1997. *Metode Etnografi*. Penterjemah: Misbah Zulfa Elizabeth. Yogyakarta: Tiara Wacana.



Foto 1 Persembahan Tari Balanse Madam (Foto oleh Indrayuda).



Foto 2 Salah satu motif gerak Tari Balanse Madam dan kostum untuk persesembahan
(Foto oleh Indrayuda)




Foto 3 Pakar Tari tradisi Balanse Madam sedang menjalankan latihan
(Foto oleh Indrayuda).